

**KAJIAN TERHADAP KESAN PENERIMAAN PEMBUDAYAAN TEKNOLOGI  
DALAM KEUSAHAWANAN BELIA DI SEKITAR LEMBAH KLANG**

**AHZILAH BINTI WAHID**

**Tesis diserahkan kepada Kolej Perniagaan  
Universiti Utara Malaysia,  
Sebagai memenuhi sebahagian dari syarat keperluan  
Ijazah Sarjana Sains Pengurusan  
April 2012**

**© Ahzilah Binti Wahid**

**All Right Reserved**

## PENGISYTIHARAN

Penulis adalah bertanggungjawab ke atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, angka, ilustrasi dan gambar-gambar di dalam kertas projek ini. Penulis menanggung tanggungjawab sepenuhnya untuk menyemak sama ada bahan yang dikemukakan adalah tertakluk kepada hak cipta atau hak atau pemunyaan. Pihak UUM tidak menerima apa-apa liabiliti bagi ketepatan laporan itu, komen dan maklumat teknikal dan fakta lain dan hak cipta atau hak tuntutan pemilikan.

Ahzilah Binti Wahid  
807385  
Kolej Pemiagaan  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Uum Sintok  
Kedah Darul Aman  
10 April 2012

## **KEBENARAN MERUJUK KERTAS PROJEK SARJANA**

Projek Sarjana ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan pengijazahan Sarjana Sains Pengurusan, Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan Universiti mempamerkan untuk tujuan rujukan. Saya juga bersetuju membenarkan sebarang bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian Projek Sarjana ini untuk tujuan akademik dengan kebenaran penyelidik atau Dekan Akademik, Kolej Pengurusan. Sebarang bentuk salinan atau cetakan bagi tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang tanpa kebenaran bertulis penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas Projek Sarjana ini. Kebenaran bagi menggunakan Projek Sarjana ini sama ada keseluruhan atau sebahagian perlulah dipohon melalui:

Dekan Akademik  
Kolej Pemiagaan  
Universiti Utara Malaysia  
06010 Sintok  
Kedah

## **ABSTRACT**

There are several issues that are often dealt with in the conference proceedings which have attracted public attention in recent .One of issues are often dealt with in the proceedings of the conference which attracted public attention in recent times. One of the issues often raised is about the success of youth entrepreneurship. This study only focused on the success of young entrepreneurs. In particular, there are four (4) the factors that influence the success of critical youth of attitude, support and encouragement from the government, technology skills and the development of science and technology. A total of 155 respondents were selected to answer a questionnaire on the issue of successful young entrepreneurs. Based on regression analysis and made contact, the study showed a positive relationship between attitude, support and encouragement from the government, of the use of technology of skill and developments in science and technology that led to the success of young entrepreneurs in small and medium industries in general. Based on this study, young entrepreneurs should be aware of the effect of technology culture in entrepreneurship especially within stimulating successful young entrepreneurs in the light of increasingly competitive global economy.

## **ABSTRAK**

Terdapat beberapa isu yang sering diperkatakan di dalam persidangan yang menarik perhatian orang ramai pada masa kini. Salah satu daripada isu yang sering dibangkitkan adalah tentang kejayaan keusahawanan belia. Kajian ini hanya difokuskan kepada kejayaan usahawan belia. Secara khususnya, terdapat empat (4) faktor-faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan usahawan belia iaitu sikap, bantuan dan galakan kerajaan, kemahiran teknologi dan perkembangan sains dan teknologi. Sebanyak 155 responden telah dipilih untuk menjawab soalan kaji selidik tentang isu kejayaan usahawan belia. Berdasarkan analisis hubungan dan regresi yang dibuat, kajian ini menunjukkan perhubungan yang positif diantara faktor sikap, bantuan dan galakan kerajaan, kemahiran teknologi dan perkembangan sains dan teknologi dalam mendorong kepada kejayaan keusahawanan belia. Berdasarkan kajian ini, usahawan belia harus sedar akan kesan penerimaan pembudayaan teknologi dalam bidang keusahawanan terutama dalam merangsang kejayaan usahawan belia untuk menghadapi persekitaran ekonomi global yang kian kompetitif.

## **Penghargaan**

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.*

*Syukur Alhamdulillah, dengan izinNya kertas projek akhir saya ini dapat juga disiapkan dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia Dr Amlus Bin Ibrahim atas bimbingan serta dorongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan dan para pensyarah di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang telah mendidik saya sepanjang pengajian sarjana ini.*

*Terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa kerana memahami kesibukan masa saya untuk bersama mereka sepanjang kajian ini dijalankan serta sentiasa mendoakan kejayaan saya selama ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan di UUMKL yang banyak membantu dalam proses menyiapkan kajian penyelidikan ini secara langsung mahupun tidak langsung.*

*Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan kertas projek ini.*

*Wassalam.*

## Senarai Jadual

Jadual	Senarai Jadual	Muka Surat
Jadual 2.4	Jadual Trend Pemasaran 2012	23
Jadual 3.6	Jadual Pembahagian Soalan Soal Selidik	53
Jadual 3.6.2	Jadual Pernyataan Soalan Bahagian B: Sikap Keusahawanan	54
Jadual 3.6.3	Jadual Skla Likert	54
Jadual 3.6.4	Jadual Pernyataan Bahagian C: Bantuan dan Galakkan Kerajaan	55
Jadual 3.6.5	Jadual Pernyataan Bahagian D: Kemahiran Teknologi	56
Jadual 3.6.6	Jadual Pernyataan Bahagian E	57
Jadual 4.2.1	Jadual kekerapan profile jantina keusahawanan belia	60
Jadual 4.2.2	Jadual kekerapan umur keusahawanan belia	61
Jadual 4.2.3	Jadual kekerapan bangsa keusahawanan belia	62
Jadual 4.2.4	Jadual kekerapan tahap pendidikan keusahawanan belia	63
Jadual 4.2.5	Jadual kekerapan jumlah pendapatan bulanan keusahawanan belia	64
Jadual 4.2.6	Jadual kekerapan tempoh tahun beroperasi perniagaan keusahawanan belia	65

---

Jadual 4.2.7	Jadual kekerapan jenis industry yang diceburi oleh keusahawanan belia	66
Jadual 4.3.1	Jadual taburan kekerapan responden bersikap tenang dan positif dalam menghadapi dugaan	67
Jadual 4.3.2	Jadual taburan kekerapan responden bagi mencari idea baru dari pelbagai sumber	68
Jadual 4.3.3	Jadual taburan kekerapan responden bagi sikap sentiasa ingin belajar	69
Jadual 4.3.4	Jadual taburan kekerapan responden dalam berkemampuan mencapai apa yang dirancang dalam keusahawanan	70
Jadual 4.3.5	Jadual kekerapan responden bersikap kreatif dalam menyelesaikan masalah	70
Jadual 4.3.6	Jadual Ujian Korelasi: Sikap Keusahawanan	71
Jadual 4.4.1	Jadual taburan kekerapan responden terhadap bantuan kewangan yang disediakan oleh kerajaan	72
Jadual 4.4.2	Jadual taburan kekerapan responden terhadap latihan yang disediakan bagi mendorong kejayaan keusahawanan belia	72
Jadual 4.4.3	Jadual taburan kekerapan responden terhadap bantuan khidmat nasihat dalam mendorong	73

---



---

	kejayaan keusahawanan belia	
Jadual 4.4.4	Jadual taburan kekerapan responden terhadap bantuan dan pemasaran yang disediakan dalam mendorong kejayaan keusahawanan belia	74
Jadual 4.4.5	Jadual taburan kekerapan responden bagi sokongan infrastruktur yang disediakan bagi mendorong kejayaan keusahawanan belia	74
Jadual 4.4.6	Jadual Ujian Korelasi: Bantuan dan Galakkan kerajaan	77
Jadual 4.5	Jadual Pembahagian Skor Min	79
Jadual 4.5.1	Interpretasi kecekapan menggunakan internet	80
Jadual 4.5.2	Interpretasi kecekapan penggunaan media sosial	81
Jadual 4.5.3	Interpretasi pendedahan kemahiran teknologi	82
Jadual 4.6.1	Interpretasi responden terhadap perkembangan sains dan teknologi	83

---

## SENARAI RAJAH

Rajah	Senarai Rajah	Muka surat
Rajah 1.1	Bilangan dan peratusan usahawan mengikut jantina di Malaysia tahun 1982-2008	2
Rajah 2.7	Theory Acceptence Model (Davis 1989)	42
Rajah 2.8	Kerangka Teoritikal	44
Rajah 3.2.2	Carta Aliran Kajian Penyelidikan	48
Rajah 5.4	Model Kurikulum Keusahawanan	95

## Senarai Singkatan

AIM	=	Amanah Ikhtiar Malaysia
DEB	=	Dasar Ekonomi Baru
ICT	=	Information Technology
IKS	=	Industri Kecil dan Sederhana
INSKEN	=	Institut Latihan Keusahawanan
KDNK	=	Keluaran Dalam Negara Kasar
KPTB	=	Kadar Penyertaan Tenaga Buruh
KPWKM	=	Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga
MARA	=	Majlis Amanah Rakyat
MLVK	=	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
MPPB	=	Majlis perdagangan dan Perindustrian Bumiputra
MPPB	=	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra
NGO	=	Non-Government Organization
PKS	=	Perusahaan Kecil dan Sederhana
PMR	=	Penilaian Menengah Rendah
RMK	=	Rancangan Malaysia
SPM	=	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	=	Statistical Package Science Social
SRP	=	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	=	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
TAM	=	Technology Acceptance Model
TEKUN	=	Tabung Ekonomi Usahawan
USD	=	United States Dollar
UUM	=	Universiti Utara Malaysia
WTO	=	World Trade Organization

## SENARAI KANDUNGAN

PERAKUAN KERTAS PROJEK

PENGISTIHARAN

KEBENARAN MERUJUK KERTAS PROJEK SARJANA

ABSTRACT

ABSTRAK

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN NAMA

SENARAI LAMPIRAN

### **BAB 1:       Pendahuluan**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Masalah	5
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Definisi Operasional	11
	1.8.1 Sikap	11
	1.8.2 Keusahawanan	11
	1.8.3 Belia	12
	1.8.4 Kemahiran Teknologi	12
	1.8.5 Perkembangan Sains dan Teknologi	13
1.9	Pengorganisasian Kajian	14

1.10	Rumusan	14
------	---------	----

## **BAB 2: ULASAN KARYA**

2.1	Pengenalan	15
2.2	Definisi budaya dan pembudayaan dan teknologi	16
2.3	Takrifan Keusahawanan Belia	18
2.3.1	Sikap Keusahawanan	19
2.3.1	Ciri-ciri keusahawanan	20
2.4	Kemahiran Teknologi	24
2.4.1	Kepentingan Teknologi dalam keusahawanan	26
2.4.2	Penggunaan Teknologi dalam keusahawanan	28
2.4.2.1	Kemahiran Penggunaan Internet	30
2.4.2.2	Kemahiran penggunaan media sosial	31
2.5	Bantuan dan Galakan Kerajaan	33
2.5.1	Rancangan Malaysia Ke-10	33
2.6	Konsep dan Teori	39
2.7	Kerangka Teoritikal	43
2.8	Hipotesis Kajian	45
2.9	Rumusan	46

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	47
3.2	Rekabentuk Kajian	47
3.2.2	Carta Aliran Kajian	48
3.3	Populasi Kajian	49
3.4	Sample Kajian	50
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	50
3.5.1	Data Premier	50
3.5.1.1	Soal Selidik	51
3.5.2	Maklumat Sekunder	52

3.6	Instrument Kajian	53
3.6.1	Bahagian A: Maklumat Demografik	54
3.6.2	Bahagian B: Sikap Keusahawanan	54
3.6.3	Bahagian C: Bantuan dan Galakan Kerajaan	55
3.6.4	Bahagian D: Kemahiran Teknologi	56
3.6.5	Bahagian E: Perkembangan Sains dan Teknologi	57
3.7	Kaedah Analisa Data	58
3.8	Rumusan	58

## **BAB 4: ANALISIS DATA**

4.1	Pengenalan	59
4.2	Analisa Bahagian A: Maklumat Demografik	59
4.2.1	Maklumat Demografik: Jantina	60
4.2.2	Maklumat Demografik: Umur	61
4.2.3	Maklumat Demografik: Bangsa	62
4.2.4	Maklumat Demografik: Pendidikan	63
4.2.5	Maklumat Demografik: Pendapatan	64
4.2.6	Maklumat Demografik: Tahun operasi	65
4.2.7	Maklumat Demografik: Jenis Industri	66
4.3	Analisa Bahagian B: Sikap Keusahawanan	67
4.3.1	Pernyataan 1	67
4.3.2	Pernyataan 2	68
4.3.3	Pernyataan 3	69
4.3.4	Pernyataan 4	69
4.3.5	Pernyataan 5	70
4.3.6	Ujian Korelasi: Sikap Keusahawanan	71

4.4	Analisa Bahagian C: Bantuan dan Galakkan Kerajaan	72
4.4.1	Pernyataan 1	73
4.4.2	Pernyataan 2	74
4.4.3	Pernyataan 3	74
4.4.4	Pernyataan 4	75
4.4.5	Pernyataan 5	76
4.4.6	Ujian Korelasi: Bantuan dan Galakan Kerajaan	77
4.5	Analisa Bahagian D: Kemahiran Teknologi	79
4.5.1	Kemahiran menggunakan internet	80
4.5.2	Kemahiran menggunakan media social	81
4.5.3	Pendedahan Kemahiran teknologi	81
4.6	Analisa Bahagian E: Perkembangan Sains dan Teknologi	83
4.6.1	Perkembangan Sains dan teknologi	83
4.7	Rumusan	83

## **BAB 5: PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN**

5.1	Pengenalan	84
5.2	Perbincangan dan kesimpulan kajian	84
5.2.1	Hipotesis 1	85
5.2.2	Hipotesis 2	86
5.2.3	Hipotesis 3	87
5.2.4	Hipotesis 4	88
5.3	Implikasi Kajian	89
5.4	Cadangan	91
5.5	Cadangan Penyelidikan masa hadapan	93
5.6	Kesimpulan	95

## **SENARAI RUJUKAN**

## **SENARAI LAMPIRAN**

- i. Lampiran A: Solan Soal Selidik
- ii. Keputusan SPSS
- iii. Statistik Bentuk bantuan yang diharapkan oleh generasi belia
- iv. Statistik keperluan hidup yang sangat diperlukan oleh generasi belia
- v. Statistik Belia Malaysia



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 Pengenalan**

Isu keusahawanan telah mula berkembang di Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970. Matlamat DEB adalah untuk mengurangkan dan membasmi kemiskinan, serta mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia supaya ketidakseimbangan ekonomi dapat diperbetulkan. Salah satu strategi penting untuk mencapai matlamat DEB adalah mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perusahaan bumiputera yang berdaya maju. Adalah menjadi matlamat kerajaan untuk meningkatkan prestasi agenda pengagihan terutama pemilikan ekuiti Bumiputera, pengagihan pendapatan di antara kaum dan pembangunan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) melalui penggalakkan penyertaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi ( Rancangan Malaysia ke-sembilan, 2006).

Malaysia yang kini menuju kearah negara perindustrian menjelang tahun 2020 dimana sektor perniagaan dijangka akan bertambah penting. Ia bukan sahaja merupakan sektor sokongan tetapi lebih kearah menyediakan asas dan teknologi bagi memastikan kejayaan pembangunan perusahaan yang lebih besar (Mahzan Bee Bt

Ibrahim 2002). Dunia hari ini sedang berhadapan dengan gelombang perubahan yang secara mendadak serta mengubah landskap ekonomi di sekeliling kita. Perubahan ini di jangka akan menjadi semakin hebat di masa yang akan datang.


Dunia korporat hari ini memerlukan usahawan-usahawan yang berpengetahuan dan mampu bertindak dengan baik dalam apa jua keadaan yang baik atau kurang baik. Memahami peranan sebagai seorang usahawan untuk memahami kepentingan pasaran global yang beorientasikan eksport kemahiran teknologi maklumat dengan kerjasama dan persiapan ke pasaran bebas dunia di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) pada 2020. Persoalan penting adalah sejauh manakah keberkesanan program-program pembudayaan keusahawanan mampu melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya bumiputra khususnya dalam melangsungi era globalisasi ini di bawah Akta WTO dan dunia APEC.

Keusahawanan dalam era globalisasi ini lebih menekankan kepada aspek teknologi maklumat dan komunikasi serta kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh teknologi masa kini dalam keusahawanan serta kepentingan-kepentingan teknologi maklumat dan komunikasi ini kepada para usahawan untuk membentuk satu pemasaran barangan yang dikeluarkan agar lebih berdaya maju dan menjadi produk antarabangsa yang berkualiti tinggi. Menurut mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Badawi, dalam mengharungi cabaran dunia globalisasi, memerlukan semangat, kekuatan, kesungguhan, keyakinan serta penguasaan ilmu sebagai aset utama. Ini menunjukkan betapa pentingnya para usahawan perlu bersedia dalam mengharungi arus globalisasi.


Merujuk kepada Rajah 1, bilangan usahawan di Malaysia menunjukkan peningkatan yang marginal. Bilangan usahawan dalam tempoh 1982 hingga 2003 adalah di antara 1.2 hingga 1.9 juta orang. Pertambahan bilangan usahawan ini sejajar dengan peningkatan bilangan penduduk bekerja daripada 5.25 juta pada 1982 kepada 1.66 juta pada tahun 2008.<sup>1</sup>

Namun demikian, peratusan usahawan di Malaysia agak kecil iaitu tidak melebihi 26 peratus daripada keseluruhan penduduk bekerja dalam tempoh 25 tahun. Peratusan tersebut juga didapati menunjukkan tren yang menurun daripada 25.1 peratus pada tahun 1982 kepada 20.9 peratus pada tahun 2008.

**Rajah 1:** Bilangan dan Peratusan Usahawan mengikut Jantina, Malaysia



<sup>1</sup> Siaran Khas Penyiasatan Tenaga Buruh Usahawan di Malaysia, Siri 4 Bil 1/2009.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut Siasat Khas Penyiataan Tenaga Buruh Usahawan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, secara keseluruhannya bilangan usahawan di Malaysia pada tahun 2008 adalah sebanyak 2.22 juta iaitu daripada 10.66 juta penduduk bekerja di Malaysia dengan taburan usahawan lelaki sebanyak 25.2 peratus dan usahawan wanita sebanyak 13.1 peratus. Ini menunjukkan bahawa bilangan usahawan telah dimonopoli oleh golongan lelaki memandangkan kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) lelaki juga mengatasi perempuan dengan kadar penyertaan di antara 79.0 peratus hingga 85.8 peratus dalam tempoh tersebut. Bilangan usahawan lelaki juta didapati telah melebihi 1 juta orang kecuali pada tahun 1982 (988.8 ribu orang) dan 1984 (948.3 ribu orang).

## 1.2 Latar Belakang Masalah

*Keusahawanan kerjaya pilihan* merupakan satu ungkapan yang digunakan oleh agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan dalam pembangunan usahawan dalam menarik minat khususnya golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan dan tidak mengharapkan kepada makan gaji semata-mata. Melihat kepada senario semasa golongan belia sudah mula sedar bidang keusahawanan dapat memberi peluang kerjaya yang menarik dan dapat menjamin masa depan yang cerah jika dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Ditambah pula dengan pelbagai skim-skim pinjaman mudah dan kursus-kursus galakan usahawan yang mula diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam melahirkan usahawan belia yang berjaya.

Ditambah pula dengan perkembangan pesat bidang sains dan teknologi komunikasi media baru makin hari makin ramai golongan belia di negara ini menceburi bidang keusahawanan secara "online". Jika di lihat senario semasa ramai usahawan internet dilahirkan melalui perkembangan sains dan teknologi komunikasi, ini merupakan perkembangan positif dari kesan pembudayaan teknologi akibat perkembangan penggunaan jalur lebar di negara ini.

Program pembudayaan teknologi telah dilakukan di peringkat sekolah rendah lagi iaitu dengan memperkenalkan sekolah bestari atau "Smart School". Pada peringkat permulaan, empat mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains, akan diperkenalkan di Sekolah Bestari dengan menggunakan teknologi terkini sebagai

kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran. Semua bahan pengajaran dan pembelajaran disediakan dalam bentuk perisian yang direka oleh Pusat Pemkembangan Kurikulum bersama dengan Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejar itu setiap sekolah akan diberi peruntukan untuk menyediakan kemudahan makmal komputer dilengkapi dengan liputan jaringan jalur lebar. Ini bertujuan mendedahkan murid-murid terutama dikawasan luar bandar dengan penggunaan internet. Secara tidak langsung dapat mengurangkan jurang teknologi diantara murid-murid dikawasan bandar dan luar bandar.

Setiap tahun kerajaan telah memperuntukan perbelanjaan yang besar bagi tujuan kemudahan jalur lebar terutama di kawasan luar bandar. Ini bertujuan untuk mengurangkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Dengan berkembang pesatnya penggunaan jalur lebar dan teknologi ianya memberi kesan dan impak yang besar pada pengwujudan usahawan-usahawan dikalangan golongan belia. Situasi kini, golongan belia mula menggunakan aplikasi teknologi untuk menceburi bidang keusahawanan dan dapati ramai usahawan internet berjaya dalam bidang keusahawanan ini hasil dari perkembangan sains dan teknologi. Teknologi dan komunikasi kini menjadi alat penting dalam beberapa aspek pengurusan perniagaan.

Ditambah pula dengan peruntukan yg disediakan oleh pihak kerajaan dalam mengarusperanakan komunikasi teknologi maklumat. Ini dapat dilihat dalam Rancangan Malaysia ke 8 (RMK-8) sebanyak 1.5 billion telah diperuntukkan oleh pihak kerajaan dalam membudayakan penggunaan internet bagi seluruh masyarakat di

negara ini. Dengan ada peruntukkan tersebut pengguna internet di Malaysia meningkat saban tahun.

Oleh itu kajian ini akan menumpukan kepada keberkesanan penerimaan pembudayaan teknologi dalam bidang keusahawanan. Kesan penerimaan ini diukur melalui faktor-faktor kejayaan keusahawanan dikalangan belia. Oleh itu masalah seperti sikap yang harus dimiliki oleh seorang usahawan, bantuan dan galakan kerajaan, faktor kemahiran teknologi dan perkembangan sains dan teknologi diukur untuk menentukan kejayaan seorang usahawan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Bidang keusahawanan merupakan satu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Masalah yang ingin dikaji adalah berkaitan kesan pembudayaan teknologi dalam bidang keusahawanan di kalangan belia. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan penerimaan program pembudayaan keusahawanan yang diwujudkan oleh agensi-agensi kerajaan di dalam mendorong kejayaan keusahawanan dikalangan belia khususnya.

Di dalam kajian ini juga, pengkaji akan mengenalpasti bahawa sikap yang harus dimiliki oleh usahawan, bantuan dan galakan kerajaan disediakan oleh, kecekapan penggunaan kemahiran teknologi serta perkembangan sains dan teknologi dapat mempengaruhi faktor-faktor kejayaan seorang usahawan. Daripada hasil

penyelidikan ini ia boleh dijadikan panduan yang baik mengenai kejaya belia dalam bidang keusahawanan selaras dengan perkembangan bidang sains dan teknologi di negara ini. Selain itu juga kajian ini menjurus kepada faktor perkembangan sains dan teknologi terkini dalam menarik minat golongan belia menceburi bidang keusahawanan.

Penyelidikan ini juga akan membantu agensi-agensi seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), TEKUN, Kementerian Belia dan Sukan dan lain-lain agensi yang terlibat dalam pembangunan usahawan dalam menyediakan program-program pembangunan usahawan yang lebih efektif dalam melahirkan usahawan muda yang berjaya.

#### **1.4 Objektif Kajian**

- a. Mengenalpasti sikap keusahawanan yang di miliki oleh golongan belia
- b. Mengenalpasti bantuan dan galakan yang disediakan oleh pihak kerajaan penyumbang kepada kejayaan usahawan belia.
- c. Mengenalpasti faktor penggunaan kemahiran teknologi dalam menyumbang kejayaan usahawan belia
- d. Mengenalpasti perkembangan sains dan teknologi membantu kejayaan usahawan belia



## **1.5 Persoalan Kajian**

- a. Apakah sikap yang harus dimiliki oleh seorang usahawan
- b. Apakah galakan dan bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan menyumbang kepada kejayaan usahawan belia
- c. Adakah faktor penggunaan kemahiran teknologi menyumbang terhadap kejayaan usahawan.
- d. Adakah perkembangan sains dan teknologi mempengaruhi belia menceburi bidang keusahawanan

## **1.6 Batasan Kajian**

Semasa menjalankan kajian, terdapat beberapa batasan kajian yang berkemungkinan dihadapi oleh penyelidik. Antaranya ialah kekangan dari segi masa, kos dan juga kaedah yang diguna pakai. Hal ini akan memberi kesan kepada penyelidikan yang dilakukan. Batasan tersebut adalah seperti berikut :

- i. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kajian soal selidik. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan analisis melalui soal selidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada

kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soal selidik.

- ii. Dari segi kos, kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh penyelidik. Maka ianya akan menjadi bebanan kepada penyelidik untuk menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci kerana ianya melibatkan kos yang besar.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan untuk melihat persepsi dan sikap dalam kalangan para belia yang dipilih sebagai responden. Sumbangan ilmu pengetahuan tentang perniagaan dan kemahiran keusahawanan disalurkan kepada belia agar dapat melahirkan lebih ramai usahawan belia baru dan memupuk budaya keusahawanan di kalangan belia. Kajian ini berkepentingan bagi meningkatkan pengetahuan dan mengembangkan bakat berkaitan dengan bidang keusahawanan. Pendedahan jenis dan bentuk cabaran yang bakal mendatang juga penting kerana ia akan membantu usahawan belia membuat persediaan yang sewajarnya. Kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada para belia tentang betapa pentingnya bidang keusahawanan dan kemahiran yang ada para belia agar mengambil inisiatif dan merebut peluang yang ada secara bijak, kreatif dan inventif. Sehubungan dengan itu, mereka dapat membantu usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan pelapis seiring dengan matlamat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Kajian ini berkepentingan bagi membolehkan pihak kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) melaksanakan dan merangka program usahawan belia yang lebih berkesan dan efisien khasnya bagi menarik minat dan memberigalakan kepada golongan belia menceburi bidang keusahawanan.

## **1.8 Definisi Operasional**

Definisi operasional adalah merupakan pengertian atau makna bagi sesuatu perkataan atau ayat tertentu. Dalam kajian ini yang melibatkan persepsi belia terhadap bidang keusahawanan dan memantapkan budaya keusahawanan dalam kalangan belia bagi menghadapi cabaran dalam persekitaran ekonomi global yang kian mencabar yang terdapat dalam bidang keusahawanan.

### **1.8.1 Sikap**

Allport (dalam Hogg, 2004) mendefinisikan sikap sebagai sebuah kecenderungan untuk bertingkah laku dengan cara tertentu dalam situasi sosial. Sikap merujuk pada evaluasi individu terhadap berbagai aspek dunia sosial serta bagaimana evaluasi tersebut memunculkan rasa suka atau tidak suka individu terhadap isu, ide, orang lain, kelompok sosial dan objek (Baron, 2004).

## **1.8.2 Keusahawanan**

Menurut Hisrich dan Peter (1998), keusahawanan ialah proses menghasilkan sesuatu yang baru dari segi nilai dengan memperuntukkan masa dan usaha yang diperlukan, menanggung risiko kewangan, risiko psikologikal dan risiko sosial serta mendapat ganjaran daripada usaha tersebut dalam bentuk kewangan, kepuasan diri dan kebebasan.

## **1.8.3 Belia**

Takrif belia menurut Kementerian Belia dan Sukan, Malaysia dalam kertas kerja “Cadangan Dasar Pembangunan Belia Negara” (1995), belia ialah orang yang berumur antara 15 hingga 40 tahun dengan alasan-alasan berikut:

- a. Ia adalah takrif Majlis Belia Malaysia 1985.
- b. Ia dianggap golongan yang sudah mencapai taraf matang yang memuaskan dan dapat menerima manfaat maksimum daripada rancangan-rancangan yang disusun.
- c. Ia adalah sebahagian besar daripada jumlah rakyat negara ini. Apa-apa usaha bagi membina masyarakat, meninggalkan kesan secara menyeluruh.

#### **1.8.4 Kemahiran Teknologi**

Kemahiran didefinisikan sebagai kebolehan, (kecekapan atau kepandaian untuk melakukan sesuatu perkara (Kamus Dewan 2005). Kemahiran ini amat penting sekali kerana dalam zaman teknologi moden ini, dunia kita terdedah kepada ledakan maklumat. Oleh itu kemahiran ini dapat membantu seseorang itu mencari atau memperolehi maklumat dari pelbagai sumber seperti alat elektronik, sumber primer, perpustakaan, agensi-agensi persendirian atau kerajaan dan sebagainya. Kemudian maklumat ini dinilai dan digunakan semula.

#### **1.8.5 Perkembangan Sains dan Teknologi**

Perkembangan dalam bidang sains dan teknologi mengubah cara manusia belajar (Naismith, Lonsdale, Vavoula, & Sharples, 2004; Ting, 2007). Proses pembelajaran kini melampaui ruang fizikal bilik darjah (Kukulsk-Hulme & Traxler, 2005) bersifat globalisasi dan sepanjang hayat (Sharples, 2000).

## **1.9 Pengorganisasian Kajian**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama. Bab yang pertama menerangkan latar belakang kajian, objektif kajian, signifikan kajian dilakukan, skop kajian dan sebagainya. Dengan adanya bab ini, pembaca akan memahami dan gambaran awal mengenai kajian ini.

Bab kedua kajian ini adalah ulasan karya. Ulasan karya dibuat bagi menyokong kajian yang dilakukan. Ulasan karya ini adalah berdasarkan sokongan kajian-kajian yang dilakukan oleh para penyelidik terdahulu. Berdasarkan ulasan karya ia dapat memacu menghasilkan kajian yang lebih kukuh. Bab tiga pula menerangkan kaedah kajian yang dilakukan oleh penyelidik. Antaranya adalah menerangkan kaedah kutipan data yang dilakukan serta analisis yang bakal digunakan. Manakala bagi bab empat merupakan analisis selepas dapatan kajian dilaksanakan. Ianya melibatkan analisis secara statistik yang diperolehi daripada maklumat para responden melalui kaedah kuantitatif. Bab lima iaitu bab terakhir berkaitan perbincangan lanjut hasil dapatan, rumusan penemuan kajian yang diperolehi serta cadangan penambahbaikan terhadap kajian pada masa akan datang.

### **1.10 Rumusan**

Dalam bab ini, penyelidik telah menerangkan serba sedikit tentang latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, dan definisi operasional.

## **BAB 2**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Ulasan karya bertujuan untuk mengumpul kajian-kajian lepas yang berkaitan dalam membantu dan mengenal pasti arah kajian yang dijalankan. Kajian-kajian lepas dari dalam dan luar negara dijadikan sebagai rujukan dalam membentuk persoalan kajian ini. Faktor-faktor kejayaan usahawan belia diperbincangkan dan pengaplikasian teknologi dalam bidang keusahawanan melalui beberapa model dan teori yang berkaitan dengan keusahawanan. Bahan rujukan yang digunakan adalah seperti jurnal, buku, keratan akhbar, majalah, tesis, laporan-laporan internet, tinjauan rambang, bahan media massa dan bahan bercetak lain.

Bidang keusahawanan merupakan suatu bidang yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi negara. Sejak mula manusia mengetahui kepentingan hidup bermasyarakat, bidang keusahawanan telah menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Dalam menuju ke arah era globalisasi di Malaysia, rakyatnya tidak boleh hanya bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan peluang pekerjaan. Budaya pekerjaan di Malaysia sekarang lebih mengarah kepada bekerja dengan pihak swasta atau bekerja sendiri. Oleh itu, setiap individu perlu bijak dalam merebut peluang terutamanya dalam bidang perniagaan

dengan menjadi usahawan yang sukses dan dapat membangun dengan peredaran semasa.

## **2.2 Definisi Budaya dan Pembudayaan Teknologi**

Malinowsky dalam bukunya “A Scientific Theory of Culture” (1944) mendefinisikan budaya sebagai suatu tindak balas terhadap keperluan manusia. Manusia melakukan berbagai aktiviti, peralatan serta cara-cara tertentu bagi memenuhi keperluan hidupnya. Manakala menurut Kamus Dewan (2005) memberi maksud budaya sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi yang merangkumi cara berfikir, bertingkah laku dan sebagainya. Modern Dictionary of Sociology mentakrifkan budaya sebagai cara hidup manusia yang hidup berkelompok sama ada berbentuk material ataupun bukan material. Berdasarkan kepada tafsiran ini, pembudayaan dilihat sebagai proses atau kaedah membudayakan sesuatu seperti pemikiran, ilmu, undang-undang, adat resam dan sebagainya. Proses ini tentulah melibatkan pelaksana yang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang khusus.

Pembudayaan teknologi melibatkan peralihan minda kepada cara pemikiran serta sikap dan perlakuan yang mendorong kepada penguasaan kemahiran serta pengetahuan baru dalam bidang teknologi. Nelson dan Clark (1994) mencadangkan bahawa penggunaan teknologi mempunyai komponen budaya yang kuat (Anandarajan et al. 2000: 299). Perlakuan manusia dalam penggunaan teknologinya terikat dan dipengaruhi oleh nilai-nilai budayanya.



Teknologi terhasil daripada amalan individu atau kumpulan yang bertindak balas terhadap keperluan mereka. Kepelbagaian yang terdapat dalam teknologi menggambarkan perbezaan persekitaran, keperluan serta kemampuan manusia yang berkait rapat dengan persoalan budaya. Teknologi menyediakan sumber-sumber di mana manusia boleh menggunakannya dan seterusnya meningkatkan kesan kepada tugas yang dilakukan (Jaafar Muhammad, 1997: 4).

Budaya teknologi juga mempengaruhi kemampuan inovatif serta keupayaan sesebuah masyarakat dalam menyesuaikan diri dengan teknologi baru. Nilai-nilai masyarakat memberikan arah sosial kepada proses pembangunan teknologi. Teknologi yang rendah kualitinya menggambarkan masalah pentadbiran yang berkaitan dengan soal penyelenggaraan, pengurusan, nilai-nilai budaya seperti amalan kebersihan, sikap terhadap teknologi dan persepsi para teknokrat terlibat. Budaya berperanan sebagai sumber penguatkuasaan, tanggungjawab dan aspirasi yang mempengaruhi pembangunan teknologi dan penciptaan budaya kebendaan (Herbig and Dunphy, 1998: 15). Rothwell (1986) menegaskan bahawa inovasi memerlukan ketekunan, keusahawanan, kesungguhan, kemahiran dalam organisasi dan pemasaran. Budaya mempunyai pertalian yang rapat dengan hati nurani dan fikiran masyarakatnya dan terjelma dalam keluaran yang mereka cipta.

Budaya yang menghargai kreativiti akan melahirkan banyak inovasi yang berkualiti manakala negara yang memberi ganjaran kepada kemampuan teknikal dan pendidikan akan menghasilkan penyelidikan-penyelidikan yang inovatif. Tahap inovatif dalam masyarakat berkadar terus dengan galakan dan status yang diberikan kepada usaha-usaha keusahawanan ini. Tushman dan O'Reilly (1997) melihat budaya

sebagai satu daripada faktor penting dalam pengurusan inovasi dan menekankan keperluan dalam fleksibiliti, kepantasan dan penyesuaian diri dengan perubahan keadaan di samping mengekalkan ketekalan, kredibiliti dan kestabilan (Convay and McMackin, 1997: 4). Budaya mempengaruhi produk-produk yang dihasilkan dalam ekonomi mereka, teknik-teknik yang digunakan dan tahap sains dan teknologi yang dicapai dan keputusan-keputusan serta hubungan-hubungan kuasa dalam kehidupan mereka. Pembangunan ekonomi memerlukan peningkatan pengeluaran yang memerlukan teknologi saintifik yang sering dianggap sebagai asas kuasa dan kunci kepada kemewahan yang memandu negara ke arah kemajuan.

### **2.3 Takrifan Keusahawanan Belia**

Kirzner (1979) dalam Ab. Aziz (2009) mendefinisikan usahawan sebagai seorang yang sentiasa berwaspada terhadap peluang-peluang yang tidak disedari oleh orang lain. Usahawan akan mengambil tindakan secara imaginatif, kreatif dan inovatif. Beliau menyatakan:

*“Entrepreneur is more than a just a risk-taker and innovator. He or she is the one who sees the future that no one else has seen and, if this perception is correct, bring about a reordering of resources to produce greater consumer satisfaction and technological efficiency”.*

Shefsky (1994) mendefinisikan *entrepreneur* dengan membahagikan tiga perkataan *entre*, *pre* dan *neur* dan merujuk bahasa Latin, iaitu *entre* bermaksud *entre*, *pre* bermaksud *before* dan *neur* bermaksud *nerve center*. Dengan kata lain, beliau

mendefinisikan usahawan sebagai seorang yang masuk ke alam perniagaan tidak kira dalam bentuk apa jua perniagaan dan pada masa yang sama bersaing untuk terus mengukuhkan lagi perniagaan yang dijalankan.

### **2.3.1 Sikap Keusahawanan**

Menurut Gasse (1982) dalam Nawawi Mohd Jan (1992), sikap keusahawanan atau kecenderungan kearah keusahawanan banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai hidup seseorang individu. Nilai-nilai hidup ditakrifkan sebagai suatu konsepsi umum dan tersusun yang mempengaruhi perilaku semulajadi seseorang. Nilai-nilai hidup juga merupakan satu set kepercayaan terhadap pelbagai aspek dalam persekitaran yang berupaya mempengaruhi pemikiran seseorang terhadap sesuatu idea dan pandangan individu terhadap orang lain.

Menurut Adnan (1992), usahawan mungkin didorong satu atau lebih faktor. Faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu faktor menolak dan faktor menarik. Di antara contoh faktor menolak adalah kekecewaan, peluang terbatas, ekonomi meleset, ketidakpuasan dan budaya keusahawanan. Manakala faktor menarik pula adalah dorongan psikologi, keuntungan, berkhidmat untuk masyarakat dan keredhaan Allah.

Menurut Nor Aishah (2002), individu yang mempunyai nilai-nilai inovatif, kebebasan atau hak milik, berorientasikan kecemerlangan dan menghormati tugas atau kerja umumnya cenderung bertindak dalam arah yang sama dalam apa jua situasi. Sebagai contoh, mereka mempunyai nilai-nilai inovatif akan mempunyai kecenderungan untuk menggunakan daya bagi mengesan peluang dan matlamat. Seterusnya, mereka akan menunjukkan kecenderungan dalam mengambil risiko yang sederhana dalam menentukan matlamat atau mengatasi sesuatu keadaan atau masalah. Suatu rangkaian kecenderungan yang lazim dan ketara akan membentuk sikap tertentu dikalangan usahawan. Sikap-sikap ini mempengaruhi tindakan-tindakan keusahawanan dan memainkan peranan penting dalam apa jua tuntutan keusahawanan yang dilakukan oleh individu tersebut.

### **2.3.2 Ciri-ciri Keusahawanan**

Menurut Hian Chye Hian (1996), terdapat enam (6) ciri penting yang perlu ada pada seseorang usahawan, iaitu (i) keperluan untuk mencapai kejayaan; (ii) lokus kawalan dalaman yang tinggi; (iii) kecenderungan untuk mengambil risiko; (iv) bertolak ansur dengan kekaburan; (v) mempunyai keyakinan diri serta (vi) kemampuan untuk bertindak secara inovatif.

#### **i. Keperluan untuk mencapai kejayaan**

Keperluan untuk mencapai kejayaan merupakan hasil daripada dorongan psikologi yang kuat yang memandu pada tindakan seseorang memperoleh

kejayaan dalam bidang keusahawanan. Individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi dipercayai lebih cenderung untuk berjaya kerana keinginan untuk melihat kejayaan akan menyemarakkan semangat keusahawanan yang ada pada mereka. Individu yang mempunyai ciri-ciri seperti ini lebih cenderung membuktikan keyakinan diri yang tinggi, kemampuan untuk mencapai kejayaan dan pada masa yang sama akan mengelakkan diri mereka daripada menyerah pada nasib

## **ii. Lokus kawalan dalaman yang tinggi**

Lokus kawalan ialah persepsi usahawan terhadap ganjaran dan hukuman yang mempengaruhi kehidupan mereka apabila menceburi diri dalam bidang keusahawanan. Individu yang mempunyai lokus kawalan dalaman mempercayai bahawa mereka mampu mengawal kehidupannya sendiri dan yakin kejayaan berada di tangan mereka. Sementara individu yang mempunyai lokus kawalan luaran percaya bahawa kejadian dalam kehidupan merupakan hasil daripada faktor luaran seperti peluang, nasib atau takdir. Usahawan seperti lebih banyak mengharap bantuan, subsidi dan pertolongan. Jika kegagalan berlaku, mereka akan meletakkan kesalahan kepada orang lain.

Umumnya, usahawan lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam sesuatu yang berisiko dan penuh dengan ketidakpastian secara kalkulatif. Menurut Hannu (2000), kemahiran yang terdapat pada usahawan merupakan keupayaan mereka untuk bertindak selari dengan perubahan persekitaran yang dinamik lagi kompleks. Mereka membangunkan strategi selaras dengan

perubahan dalam persekitaran perniagaan, meningkatkan dorongan dan jangkaan hasil daripada kemampuan mereka mengawal tuntutan, desakan diri sendiri dan keinginan yang tinggi untuk melihat kejayaan.

### **iii. Kecenderungan untuk mengambil risiko**

Menurut Hannu (2000) lagi, ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh usahawan bagi memastikan kejayaan mereka ialah kesediaan untuk mengambil risiko, kesediaan berhadapan dengan ketidakpastian, melakukan inovasi, memiliki kemahiran pemasaran, pengurusan perniagaan dan keupayaan untuk mengoperasi syarikat. Hannu menjelaskan bahawa ciri-ciri yang perlu ada pada usahawan ialah keinginan untuk mengambil risiko, keupayaan untuk mengenal pasti peluang perniagaan, keupayaan untuk membetulkan kesalahan dan keupayaan untuk menilai peluang yang boleh mendatangkan keuntungan. Usahawan yang cenderung untuk mengambil risiko pada ketidakpastian. Sehubungan itu, usahawan akan lebih cenderung untuk mengambil risiko yang berbentuk kalkulatif dengan mengambil kira pulangan yang bakal diperoleh dan juga kedudukan serta kekuatan semasa mereka. Usahawan ini akan membuat analisis kos dan faedah terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu keputusan yang berisiko.

### **iv. Bertolak ansur dengan kekaburan**

Menurut Hian Chye Koh (1996), individu yang mempunyai sifat tolak ansur dengan kekaburan yang tinggi ialah mereka yang merasakan situasi kekaburan yang dihadapi mampu untuk diatasinya. Mereka mempunyai keyakinan yang tinggi dengan kebolehan, kepakaran, pengetahuan dan

bimbingan yang diperoleh apabila berhadapan dengan ketidakpastian. Mereka yakin mampu untuk berhadapan dengan ketidakpastian. Faktor ini akan mendesak mereka untuk menubuhkan perniagaan sendiri dan percaya bahawa mereka dapat mencapai matlamat yang ditentukan oleh mereka sendiri (Hian Che Koh, 1996).

#### **v. Kemampuan untuk bertindak secara inovatif**

Hannu (2000) menjelaskan bahawa semasa memulakan syarikat, ciri-ciri penting yang perlu ada pada usahawan ialah kelebihan inovatif dan kesanggupan untuk cepat bertindak terhadap sesuatu peluang. Usahawan yang inovatif dan kreatif akan memiliki kecenderungan untuk menggunakan imaginasi bagi mengesan dan merebut peluang serta mengambil faedah daripada cabaran dan permasalahan yang dihadapi untuk memastikan matlamat yang ditetapkan tercapai. Selain itu, pembudayaan inovatif dalam mencari penyelesaian terhadap pelbagai masalah akan mengelakkan usahawan daripada bersikap selesa, rutin dan terlalu yakin dengan kejayaan masa lampau dan semasa.

Pembudayaan inovasi berkait rapat dengan pengaplikasian secara yang baharu dan unik. Pembudayaan ini juga akan membolehkan syarikat terus mengembangkan saiz pasaran, memodifikasi produk dan proaktif terhadap tuntutan semasa pelanggan. Usahawan mestilah mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan masalah dalam keadaan yang dinamik melalui pelbagai pendekatan dan kaedah.

## vi. Keyakinan diri

Greene (2000) merumuskan bahawa usahawan yang berjaya perlu bersedia untuk berdikari, mempunyai keyakinan diri, mempunyai keazaman dan tabah, berorientasikan matlamat, mempunyai keinginan untuk mencapai kejayaan, kreatif dan cepat bertindak terhadap peluang yang ada. Sebaliknya, usahawan yang gagal dalam mencapai matlamat adalah disebabkan oleh sikap tidak yakin kepada kebolehan diri sendiri. Dunia keusahawanan yang penuh cabaran memerlukan usahawan bersikap yakin terhadap kemampuan diri untuk membuat keputusan atau menyahut sesuatu cabaran. Usahawan juga perlu berpendirian teguh dalam segala yang dilakukan. Untuk meningkatkan keyakinan tersebut, usahawan perlu mengikis sikap takut pada kegagalan dan berusaha bersungguh-sungguh.

## 2.4 Kemahiran Teknologi

Kemahiran teknologi maklumat merupakan kemahiran yang diperlukan dalam penggunaan teknologi maklumat. Dalam kajian ini, kemahiran ini merangkumi sembilan kriteria yang telah diambil daripada *FITness (Fluency with Information Technology)* (National Research Council, 1999), satu perkataan yang diperkenalkan oleh NRC dari Amerika Syarikat, iaitu:

- i. dapat memasang sebuah komputer peribadi
- ii. dapat menggunakan asas antaramuka sistem pengendalian
- iii. dapat menggunakan sesuatu pemproses kata untuk mencipta satu dokumen teks



- iv. dapat menggunakan pakej grafik atau *artword* untuk menghasilkan ilustrasi, slaid, atau dapat menyampaikan idea berasakan imej.
- v. dapat menghubungkan komputer dengan rangkaian net.
- vi. dapat menggunakan *Internet* untuk mencari maklumat
- vii. dapat menggunakan komputer untuk berkomunikasi dengan orang lain.
- viii. dapat menggunakan sistem database untuk membentukkan dan menyampaikan maklumat yang berguna.
- ix. dapat menggunakan bahan pendidikan untuk belajar bagaimana menggunakan aplikasi atau permukaan baru.

#### **2.4.1 Kepentingan Teknologi Dalam Perniagaan**

Kerajaan Malaysia memberi keutamaan kepada globalisasi ekonomi, disamping globalisasi maklumat dan ilmu serta globalisasi saintifik dan teknologi (scientific and technological globalization). Kesungguhan kerajaan dalam menangani tiga jenis globalisasi ini jelas kelihatan dalam berbagai-bagai bentuk wacana di peringkat nasional dan peringkat antarabangsa seperti dialog, seminar, persidangan dan forum dan juga pada penubuhan berbagai-bagai jenis institusi dan projek. Dari kaca mata kerajaan, Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah simbol harapan serta kemegahan Malaysia dalam menyahut panggilan globalisasi. (A. Aziz Deraman dan Rohani Zainal Abidin 2003:m/s 18)

Malaysia kini yang mula pesat membangun dalam menuju ke arah negara perindustrian dalam wawasan 2020 dimana kerajaan menjangkakan bidang perniagaan menjadi salah satu sektor yang terpenting dan bukan lagi sektor sokongan tetapi lebih

kearah menyediakan prasarana-prasarana dan teknologi-teknologi canggih bagi memastikan kejayaan dalam pembangunan perusahaan yang lebih besar.

Dalam pembangunan perusahaan ini para usahawan memainkan peranan yang penting. Usahawan adalah pemangkin kepada ekonomi dalam menuju ke arah itu dan dengan secara tidak langsung akan membangunkan negara ini sebagai negara maju kelak. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak samada dari pihak swasta atau kerajaan untuk membantu para usahawan memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang ada untuk membangunkan perusahaan mereka.

Menurut Ketua Setiausaha, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Dr Halim Shafie, kadar kepenggunaan komputer peribadi negara di jangka meningkat menjelang tahun 2005 daripada lapan kepada 30 bagi setiap 100 penduduk, sasaran itu penting untuk membolehkan negara terus maju pada masa depan secara memanfaatkan sepenuhnya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Kerajaan telah melaksanakan beberapa program dan projek untuk mencapai sasaran itu membabitkan pelbagai pihak. Kerajaan percaya teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah senjata penting untuk masa depan negara yang membolehkannya terus bersaing dengan negara maju lain. Kepenggunaan internet negara juga harus mencapai tahap perangkaan dunia bagi menjamin keseimbangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan membabitkan pelbagai pengguna di seluruh negara.

Dalam dunia globalisasi ini para usahawan harus berubah dari takuk lama untuk terus maju dan dapat bersaing di peringkat global. Dalam membincangkan soal

globalisasi, kita akan menemui pelbagai istilah seperti k-ekonomi, e-dagang, internet dan sebagainya yang sesetengah usahawan itu sendiri masih tidak mengerti maksud dan kegunaannya kepada perniagaan mereka. Para usahawan hendaklah sentiasa peka terhadap perubahan-perubahan terhadap persekitaran dunia perniagaan mereka. Mereka harus berani bersaing di peringkat antarabangsa untuk memastikan perusahaan mereka terus hidup. Mereka tidak semestinya mengeksport produk mereka untuk dipasarkan di negara-negara lain, mereka hanya perlu memanfaatkan internet sebagai senjata perusahaan mereka.

Menurut Dr. Azzman Shariffadeen, kedatangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan perkembangannya tidak boleh disekat sebaliknya kita perlu memanfaatkannya dengan cara yang betul. Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membuka peluang bagi kita mendapatkan lebih banyak pengetahuan untuk meninggikan kualiti hidup dan kemahiran masyarakat.

Menurut Abdur Rahman Ebrahim (2003:40), para usahawan perlu menyedari penguasaan teknologi maklumat yang disesuaikan dengan operasi syarikat yang dapat meningkatkan kualiti, produktiviti dan prestasi syarikat. Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam dunia perniagaan adalah penting kerana perniagaan yang tidak menggunakan ICT pasti tidak dapat beroperasi dengan baik.

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah menghasilkan dunia tanpa sempadan, komunikasi pantas dan global, cara kerja tersusun dan lebih sistematik. Usahawan perlu bersiap sedia demi memastikan perniagaan mereka boleh terus wujud, meningkat dan berkembang ke pasaran yang lebih luas, termasuk pasaran

antarabangsa. Kegagalan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) akan menyebabkan para usahawan terdedah kepada ancaman ketinggalan dan merugikan perniagaan mereka. Usahawan perlu melihat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ini sebagai alat yang strategik untuk meningkatkan dan memperbaiki fungsi perniagaan mereka.

Menurut penganalisis agensi penarafan Standart and Poor's (S&P), Chew Ping berkata, kemahiran teknologi dan maklumat (ICT) adalah salah satu faktor penting dalam meningkatkan daya saing sesebuah negara. Tetapi, katanya ia bukanlah satu-satunya faktor. Terdapat faktor lain yang perlu turut diberikan perhatian termasuk prasarana-prasarana dan polisi yang menyokong perkembangan industri itu. Semua kerajaan di rantau ini berusaha meningkatkan kadar kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di kalangan rakyat mereka dan prasarana yang berkaitan.

#### **2.4.2 Penggunaan Teknologi Dalam Perniagaan**

Teknologi yang relevan boleh memberikan impak positif jika digunakan dalam sesebuah perniagaan. Selain menjadi komponen penting dalam perniagaan, perhubungan harmoni di antara teknologi dan perniagaan harus diwujudkan. Malah, jika penggunaan teknologi diabaikan, perniagaan akan hilang daya saing samada di peringkat tempatan dan global. Bagi mendapatkan gambaran lebih jelas mengenai penggunaan teknologi dalam perniagaan, kita ikuti petikan daripada satu persidangan yang diadakan di ibu Negara.

Dr. Martin Berlin, Pengurus Pengambilan, McKinsey & Company (Malaysia), selaku pengerusi dalam persidangan tersebut telah mendapatkan pandangan dan ide bernas daripada ahli panel yang terdiri daripada Jason Lim, Pengarah, Kumpulan Perniagaan Internet, Microsoft (Malaysia), Yohani Yusof, Pengurus Saluran e-Niaga Asia Pasifik, Intel Electronics, John Wong, Rakan Kongsi dari General Atlantic Partners, Baharum Salleh, Presiden, TM Multimedia, dan Ramesh Subramaniam, dari McKinsey & Co (Singapura).

Sewaktu menjawab soalan pertama yang diajukan dalam persidangan yang diadakan bersempena program Venture 2001 itu, John berpendapat bahawa teknologi yang diterapkan dalam pelbagai bidang perniagaan seperti telekomunikasi, peruncitan, broker saham, kewangan dan sebagainya adalah untuk tujuan kebaikan. Malah, katanya, teknologi akan terus menjadi sebahagian atau komponen dalam apa juga jenis perniagaan. Dan, banyak pembangunan teknologi untuk beberapa tahun kebelakangan ini dibiayai oleh pemodal teroka.

Merujuk kepada kelebihan teknologi, Jason (2001) turut memberikan pendapat yang selari. Katanya "Wujud angin perubahan dari segi persaingan samada dalam dan luar negara. Jadi, syarikat perlu menggunakan teknologi untuk meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi, meningkatkan kepuasan pelanggan, rakan kongsi dan pekerja. Selain membantu dalam peningkatan hasil, penggunaan teknologi juga dapat mengembangkan capaian ke negara lain apabila wujudnya teknologi canggih seperti Internet dan e-dagang. Persoalannya sekarang, bagaimana teknologi boleh digunakan

pakai untuk membantu perniagaan menjadi lebih cekap." Bagaimanapun, reliti kejayaan sesebuah perniagaan tidak tertakluk kepada teknologi semata-mata. Menurut Ramesh (2001), syarikat perlu asas perniagaan yang baik dalam ekonomi baru kerana model perniagaan yang baik dari segi kewangan akan berjaya. Teknologi pada dasarnya hanya membantu dan pengusaha tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa perniagaan perlu asas dan model yang baik. Contohnya, model terbaru seperti 'brick and click' sekali pun perlu asas perniagaan yang baik untuk dijalankan. Jika tiada model perniagaan yang baik untuk digabungkan dengan inovasi dan teknologi pintar, maka perniagaan itu tidak akan berjaya.

#### **2.4.2.1 Kemahiran Penggunaan Internet**

Internet adalah teknologi unik yang berupaya membentuk infrastruktur pintar bagi aliran maklumat dan saluran komunikasi masa kini. Penggunaan internet sebagai saluran perniagaan boleh memberi kelebihan kepada sesebuah syarikat. Internet tidak akan menggantikan ekonomi lama dengan ekonomi baru. Ia memberi syarikat peluang yang lebih luas untuk kekal bertahan dalam arus ekonomi baru. (Dr. Abang Nawawi Dahlan, 2003:50). Aplikasi internet untuk memasarkan apa jua produk dan perkhidmatan amat banyak dan hanya disekat oleh daya penginovasian seseorang. Sektor yang boleh mengeplotasi kecekapan internet untuk menembus pasaran global tidak terbatas kepada industri besar sahaja, malahan industri kecil dan sederhana (IKS) dan para individu sektor yang paling berpotensi besar untuk

menjelma di barisan global dengan menggunakan kapasiti dan kapabiliti internet.

Menurut Salleh Hamzah (2000:1), kesedaran bahawa penggunaan internet melalui komputer itu sebagai saluran maklumat khususnya untuk menjalankan perniagaan yang lebih canggih belum lagi jelas bagi pengusaha Melayu. Melihat kepada perkembangan itu, adalah dikhuatiri kita akan tertinggal jauh jika masih dengan cara lama sedangkan rakan-rakan kita dripada bangsa asing sudah menjalankan perniagaan mereka secara global hanya dengan kemahiran mereka dalam bidang teknologi maklumat (IT).


#### **2.4.2.2 Kemahiran Penggunaan Media Sosial**

Media sosial adalah salah satu perkembangan teknologi yang memiliki jaringan besar dalam memberikan kemudahan bagi manusia untuk berkomunikasi dan bersosial. Dengan era *Friendster* dan *Myspace*, era *Facebook* dan *Twitter* serta yang terbaru *Google Plus*, media ini banyak memberi perubahan kepada manusia dalam bersosial.

Mengikut Kajian Trend Pemasaran 2012 yang dijalankan oleh Zoomerang (*sumber: [www.strongmail.com/2012surveyrelease](http://www.strongmail.com/2012surveyrelease)*) ke atas 939 orang pengendali perniagaan telah mendedahkan bahawa trend perniagaan yang menjadi keutamaan mereka adalah dalam bidang

pemasaran email dan pemasaran media sosial (seperti pemasaran facebook dan twitter).

4 Please indicate the programs for which you plan to increase spend:



Jadual 2.4: Jadual Trend Pemasaran 2012  
(sumber: [www.strongmail.com/2012surveyrelease](http://www.strongmail.com/2012surveyrelease))

Pemasaran Email menduduki tangga pertama di mana 60% daripada pengendali perniagaan mensasarkan untuk menaikkan perbelanjaan dalam bidang ini. Di tempat kedua pula adalah Pemasaran Media Sosial di mana 55% pengendali perniagaan mensasarkan untuk berbelanja lebih dalam bidang ini. Ini bermaksud, pengendali perniagaan melihat dua (2) bidang ini adalah bidang yang penting bagi pemasaran untuk tahun 2012. Dua bidang yang dimaksudkan adalah:

1. Pemasaran Email
2. Pemasaran Media Sosial (Facebook dan Twitter)



## **2.5 Bantuan dan Galakan Kerajaan**

Saban tahun kerajaan menyediakan pelbagai insentif untuk membantu golongan belia, khususnya mendorong golongan tersebut menceburi bidang keusahawanan. Disamping itu juga kerajaan melalui agensi-agensi tertentu seperti Majlis Amanah Rakyat, TEKUN, Amanah Ikhtiar Malayis (AIM), Institut Latihan Keusahawanan Negara (INSKEN) telah menyediakan latihan pembangunan keusahawanan terutamanya untuk golongan muda yang berminat menceburi bidang keusahawanan.

### **2.5.1 Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10)**

Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10) adalah kesinambungan pelan rancangan pembangunan negara jangka sederhana untuk tempoh lima (5) tahun. RMK10 adalah bagi tempoh 2011 hingga 2015 dirangka amat kritikal bagi meneruskan agenda pembangunan negara ke arah menuju Wawasan 2020 dengan berpaksikan negara maju serta berpendapatan tinggi. Selaras dengan Gagasan 1 Malaysia Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan, kerajaan menggarap rancangan ini untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat tanpa mengira kaum, sempadan geografi dan politik.

Dalam RMK10, Pendapatan Negara Kasar per kapita telah disasar untuk meningkat kepada RM38,850 atau USD12,140 pada tahun 2015. Keadaan ini memerlukan KDNK sebenar berkembang pada kadar Enam (6) peratus setahun. Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan

pembuatan di samping menggiatkan semula sektor pertanian yang bernilai tambah tinggi serta penyerapan kaedah ICT, bioteknologi serta kesesuaian teknologi semasa. Dalam RMK-10 beberapa aspek telah diberi penekanan dalam pembangunan belia diseluruh Negara terutama dalam bidang kemahiran dan pembagunan usahawan antara aspek terdiri daripada:-

### **1) Keadilan sosial**

Program pembangunan latihan kemahiran akan disediakan kepada golongan muda terutama yang berminat dengan perniagaan. Penyediaan kemudahan kredit melalui TEKUN dan AIM akan disediakan dalam usaha menangani kemiskinan bandar. Kemudahan ini akan dipakej bersama dengan latihan keusahawanan bagi membina keupayaan mereka dalam bidang pengurusan kewangan, penyelidikan, rancangan perniagaan, pemasaran dan promosi. Penyediaan segala peluang ini bertujuan untuk mengurangkan jurang antara penduduk terutama yang tinggal di bandar. Melalui latihan dan penyediaan mikro kredit ini rakyat terutama golongan muda berpeluang memajukan diri, masyarakat dan negara dengan menceburi bidang perniagaan.

### **2) Membangun Modal Insan**

Pembangunan Modal Insan menjadi kesinambungan dalam RMK10. Hasrat menjayakan Model Baru Ekonomi dan mencapai status negara maju menjelang 2020 serta negara berpendapatan tinggi lahirnya

daripada pembangunan modal insan kelas pertama. Bermula daripada kanak-kanak sehingga golongan belia wajar menerima pendidikan dan kemahiran yang bersesuaian dengan keperluan negara.

Ekonomi yang berpaksikan perkhidmatan dan kepakaran tinggi dengan inovatif serta kreatif memerlukan penyediaan peluang-peluang pengajian dan tenaga pengajar yang berkemahiran tinggi. RMK10 banyak menyediakan segala kemudahan fizikal dan bukan fizikal kepada bidang pendidikan untuk menjana pelaksanaannya.

### **3) Latihan dan Vokasional**

RMK10 banyak menyediakan peluang kepada pekerja-pekerja tempatan untuk memantapkan ilmu dan kemahiran agar dapat mengisi keperluan pasaran kerja di masa depan. Ekonomi yang berpaksikan perkhidmatan dan kemahiran tinggi memerlukan pekerja yang berkemahiran serta berilmu. RM500 juta akan disediakan melalui Perbadanan Kemahiran dalam bentuk pinjaman kepada pekerja bagi mengikuti latihan untuk peningkatan kelayakan dan kemahiran. Dianggarkan seramai 38,000 pekerja akan menikmati peluang ini. Kerajaan juga melalui Tabung Pembangunan Sumber Manusia serta Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana akan menyediakan geran sepadan untuk membangunkan latihan kemahiran kepada pekerja. Melalui geran ini kerajaan membantu majikan dan industri untuk melatih pekerja bersesuaian dengan keperluan semasa.

#### **4) Meningkatkan Ekuiti Bumiputra**

Kerajaan akan menambahbaik program pembangunan kemahiran dan keusahawanan serta pembiayaan melalui pelbagai agensi pembangunan bumiputera. Pakej bersepadu akan dilaksanakan bagi meningkatkan daya saing dan daya maju Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Pakej ini termasuk latihan keusahawanan, bantuan teknikal, pembiayaan, khidmat rundingan serta promosi dan pemasaran. Bagi meningkatkan akses kepada kemudahan pembiayaan, RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk kemudahan usahawan bumiputera.

Selaras dengan tema RMK10, Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial, kerajaan tetap prihatin dan peka dengan denyut nadi rakyat. Segala perancangan dan dasar yang digubal tetap mengambil kira kehidupan dan keperluan rakyat terutama golongan yang memerlukan perhatian. Melalui pelaksanaan RMK10, kerajaan menyasarkan dapat mengurangkan kadar perbezaan pembangunan antara wilayah dan meningkatkan pendapatan seluruh rakyat. Pelaksanaan Model Baru Ekonomi akan memberi kesan yang positif kepada negara dan rakyat melalui perancangan yang teliti. Rakyat yang akan menentukan kejayaan atau kecemerlangan sesuatu rancangan atau dasar kerajaan.

## 2.6 Perkembangan Sains dan Teknologi

Sains dan teknologi merupakan teras dalam proses pembinaan bangsa dan pembangunan tanahair. Ianya berupaya untuk menjana ilmu pengetahuan dan memperbaiki taraf hidup rakyat. Ianya berupaya meningkatkan produktiviti negara serta menjamin pengurusan sumber-sumber semulajadi yang baik. Dalam jangkamasa panjang, kejayaan Malaysia dalam bidang sains dan teknologi akan meningkatkan daya saing negara, dan seterusnya menganjukkan negara ke tahap Negara maju menjelang tahun 2020

Perkembangan dalam bidang sains dan teknologi mengubah cara manusia belajar (Naismith, Lonsdale, Vavoula, & Sharples, 2004; Ting, 2007). Proses pembelajaran kini melampaui ruang fizikal bilik darjah (Kukulka-Hulme & Traxler, 2005) bersifat globalisasi dan sepanjang hayat (Sharples, 2000). Pada masa kini ramai penyelidik dalam bidang akademik dan industri mula meneroka potensi teknologi dan peralatan mudah alih untuk menyokong pembelajaran (Sharples, 2000; Sharples, 2002; Liu, Wang, Chan, Ko, & Yang, 2003). Kajian-kajian lalu menunjukkan teknologi mudah alih dapat memberikan kesan yang signifikan dalam menyokong pengajaran dan pembelajaran (Perry, 2003; Zurita & Nussbaum, 2004). Sementara itu Wood (2003) pula berpendapat penggunaan teknologi wireless dalam pendidikan dapat menyumbang ke arah menyelesaikan jurang digital dalam kalangan negara-negara membangun, kerana pada umumnya peralatan teknologi seperti telefon bimbit dan PDA adalah lebih murah berbanding komputer meja.

Perkembangan teknologi yang pesat daripada sistem analog kepada sistem digital dan kini mula beralih kepada sistem digital generasi ketiga (3G) (Kolahi, 2002) perlu dimanfaatkan oleh bidang keusahawanan bagi melahirkan lebih ramai golongan usahawan belia yang berjaya. Sesuai dengan perubahan semasa dan kepentingan keusahawanan dalam persekitaran ekonomi global yang kian mencabar dewasa ini.

Teknologi mudah alih pada masa kini sedang berkembang pesat. Kejayaan pembangunan dalam Bluetooth, WAP (Wireless Application Protocol), GPRS (General Packet Radio System), EDGE (Enhanced Data Rates for GSM Evolution), WiFi dan UMTS (Universal Mobile Telecommunication System), perkembangan rangkaian 3G menunjukkan struktur teknologi untuk telefon mudah alih dan komputer berteknologi mudah alih tersedia (Attewell, 2005). Di seluruh dunia pada hari ini teknologi mudah alih menggantikan sistem talian tradisional, misalnya e-commerce bergerak ke arah m-commerce; m-perniagaan menggantikan e-perniagaan; e-perbankan digantikan dengan m-perbankan (Keegan, 2005; Mashkuri, 2003; Shim & Shim, 2003). WiFi menjadi teknologi pilihan untuk rangkaian wireless setempat dalam persekitaran perniagaan ataupun di kediaman (Henry & Luo, 2002). Malah WiFi juga pada masa kini dipasang di kawasan awam bagi membolehkan pengguna mencapai akses internet jalur lebar (Henry & Luo, 2002). Perkembangan teknologi mudah alih ini memberi impak yang positif dalam bidang keusahawanan sekiranya para usahawan mengaplikasikan dalam perniagaan.

## 2.7 Konsep dan Teori

*Theory of Reasoned Action (TRA)* menyatakan bahawa perilaku, dalam hal ini adalah penggunaan komputer ditentukan oleh persepsi individu dan sikap menuju perilaku, misalnya tekanan sosial/norma sosial. Sikap pemakai sistem bersamaan dengan norma sosial dan faktor situasional lainnya memotivasi ke maksud untuk memanfaatkan teknologi komputer dan pada akhirnya meningkatkan pemanfaatan komputer tersebut. Implikasi pemanfaatan teknologi komputer yang meningkat tersebut akan membawa ke kinerja individu yang positif. Sedangkan TAM menjelaskan bahawa penerimaan pengguna terhadap suatu teknologi komputer ditentukan oleh dua faktor kunci, yaitu *perceived usefulness* dan *perceived easy of use*.

*Perceived usefulness* (kebermanfaatan persepsian) didefinisi sebagai sejauh mana seseorang meyakini bahawa penggunaan kemahiran teknologi akan meningkatkan prestasi. Konsep ini menggambarkan manfaat teknologi bagi pemakainya yang berkaitan dengan *productivity*, *job performance* atau *effectiveness*, *importance to job* (pentingnya bagi tugas), dan *overall usefulness* (kebermanfaatan secara keseluruhan). (Davis, 1989).

Sementara *perceived easy of use* (kemudahan persepsian dalam pemakaian) didefinisi sebagai tingkat dimana seseorang meyakini bahawa penggunaan teknologi seperti komputer merupakan hal yang mudah dan tidak memerlukan usaha keras dari pemakainya. Konsep ini mencakupi kejelasan tujuan penggunaan komputer dan

kemudahan penggunaan komputer untuk tujuan sesuai dengan keinginan pemakai (Davis, 1989).

Davis (1989) melakukan penelitian yang mengembangkan dan memvalidasi skala baru untuk dua faktor yaitu *perceived usefulness* dan *perceived ease of use*, yang dihipotesiskan menjadi faktor penentu utama dalam penerimaan teknologi informasi / komputer. Pengukuran ini juga digunakan oleh para peneliti lain yang berminat dalam memahami faktor-faktor yang mempengaruhi kesuksesan penggunaan sistem informasi/komputer (Adams, et al., 1992).

Davis, et al., (1989) menemukan bahwa *perceived usefulness* mempunyai hubungan yang lebih kuat dan konsisten dalam penggunaan teknologi informasi dibandingkan dengan variabel lain, seperti sikap, kepuasan, dan ukuran-ukuran persepsian yang lain. Hasil penelitian yang dilakukan oleh Igbaria (1990) dan Robey, et al., (1989) juga menemukan hal yang sama, yaitu adanya hubungan positif antara *perceived usefulness* dengan penggunaan sistem informasi/komputer. Adam, et al. (1992) melakukan telaah terhadap dua hasil penelitian yang mereplikasi penelitian Davis (1989). Hasilnya adalah satu penelitian menunjukkan bahwa *perceived usefulness* merupakan faktor penentu utama penggunaan sistem, sedang hasil penelitian yang lainnya menunjukkan hasil yang mixed (bervariasi), tetapi mengindikasikan bahwa baik *perceived usefulness* maupun *perceived easy of use* merupakan faktor penting yang mempengaruhi penggunaan sistem.




Sesuai dengan TAM, *perceived usefulness* juga dipengaruhi oleh *perceived easy of use* karena semakin mudah suatu sistem digunakan maka sistem tersebut dirasakan semakin bermanfaat. Rasa mudah menggunakan teknologi/ komputer akan menimbulkan perasaan dalam dirinya bahwa komputer itu mempunyai kegunaan, dan karenanya menimbulkan rasa mudah dan efektif bila bekerja dengan teknologi/komputer (Venkatesh dan Davis, 2000). Dari berbagai pengujian empiris tentang TAM, *perceived usefulness* secara konsisten merupakan faktor yang menentukan kemauan *user* untuk menggunakan sistem.

Beberapa penelitian longitudinal terbaru yang dilakukan oleh Taylor dan Todd (1995), Szajna (1996), dan Venkatesh dan Davis (1996), semuanya menunjukkan hasil yang sama yaitu *perceived usefulness* tetap merupakan faktor penentu yang signifikan terhadap kemahuan pengguna (*user*) untuk menggunakan sistem informasi. Akan tetapi, Venkatesh dan Davis (2000) menyatakan bahwa pengaruh langsung *perceived easy of use* terhadap kemahuan menggunakan sistem tetap penting meskipun pengaruh secara tidak langsung *perceived easy of use* yaitu melalui *perceived usefulness* terhadap penggunaan sistem menjadi lebih besar. Hal ini juga didukung oleh penelitian yang berhubungan dengan psikologi yang menemukan bahwa faktor-faktor *attitudinal* seperti *perceived usefulness* dan *perceived easy of use* tetap menjadi faktor penentu terhadap perilaku dan kemahuan dengan cara meningkatkan pengalaman (Venkatesh dan Morris, 2000).

TAM menghipotesiskan bahwa sikap pengguna terhadap teknologi ditentukan oleh persepsi mereka mengenai kegunaan yang dirasakan atau *perceived of*

*usefulness (PU)* dan kemudahan yang dirasakan dalam penggunaan atau *perceived ease of use (PEOU)* pada teknologi dan sikap ini akan mempengaruhi niat mereka untuk menggunakan teknologi tersebut (*intention to use*).

TAM juga menyatakan bahawa *perceived ease of use (PEOU)* mempengaruhi *perceived of usefulness (PU)*, kerana sesuatu yang lebih mudah dipersepsikan akan lebih berguna. Niat untuk menggunakan teknologi dipengaruhi oleh banyak pembolehubah luaran. Persepsi mengenai kegunaan dan kemudahan teknologi memediasi pengaruh variabel luaran tersebut pada sikap dan niat untuk menggunakan teknologi.



Rajah 2.7: Theory Acceptance Model (Davis 1989)


TAM merupakan model yang mendapat banyak perhatian para penyelidik di bidang teknologi maklumat. Hal ini disebabkan kerana penerimaan teknologi oleh

pengguna teknologi maklumat sangat penting dalam pembangunan teknologi maklumat. Oleh kerana itu TAM banyak dirujuk dalam kajian yang berkaitan dengan penerimaan teknologi maklumat oleh pemakainya.

Di dalam kajian ini teori digunakan untuk melihat sejauhmana kesan penerimaan pembudayaan teknologi dalam perkembangan keusahawanan belia. Kesan ini dilihat melalui faktor-faktor kejayaan usahawan dikalangan belia. Antara faktor yang digunakan untuk mengukur kejayaan usahawan belia ialah sikap keusahawan, bantuan dan galakan yang disediakan oleh pihak kerajaan, kemahiran teknologi dan perkembangan teknologi terkini membantu para usahawan untuk mencapai kejayaan

## **2.8 Kerangka Teoritikal**

Kerangka teoritikal bagi kajian ini terbahagi kepada empat (4) pembolehubah utama iaitu pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar bagi kajian ini adalah terdiri daripada ciri-ciri dan sikap, bantuan dan galakan kerajaan, kemahiran teknologi, Dasar Pendidikan Negara, senario ekonomi semasa, dan faktor perkembangan sains dan teknologi. Manakala kejayaan usahawan belia merupakan pembolehubah bersandar. Dalam kajian ini pembolehubah tidak bersandar ini yang akan menentukan kejayaan keusahawanan belia. Kerangka kajian adalah seperti rajah 2.7.



Rajah 2.8 : Kerangka Teoritikal

## 2.9 Hipotesis Kajian

Menurut Fraenkel (1993) menyatakan hipotesis ialah merupakan suatu ramalan terhadap kemungkinan dapatan di dalam penyelidikan. Menurut Ahmad Mahdzan Ayob (1992) menyatakan bahawa hipotesis ialah merupakan saranan sementara tentang hubungan antara dua angkubah (atau lebih) yang didapati melalui deduksi. Menurut Maleske (1995) menyatakan bahawa hipotesis ialah merupakan peramalan terhadap apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Ianya berbeza dengan teori yang merupakan penerangan tentatif berkaitan kenapa sesuatu tingkah laku itu berlaku.

Berdasarkan kerangka teoritikal yang dinyatakan dalam bab terdahulu, hipotesis kajian dibentuk bagi mengukur hubungkait antara pembolehubah bersandar

dan tak bersandar antara perkara yang dikaji dalam penyelidikan ini. Hipotesis bagi kajian ini adalah seperti berikut:-

i. H1= Terdapat hubungan signifikan antara sikap keusahawanan dan faktor kejayaan keusahawanan belia

HO= Tidak terdapat hubungan signifikan antara sikap keusahawanan dan faktor kejayaan keusahawanan belia.

ii. H1= Terdapat hubungan signifikan antara bantuan dan galakan kerajaan dalam mendorong kejayaan keusahawanan belia

HO= Tidak terdapat hubungan signifikan antara bantuan dan galakan kerajaan dalam mendorong kejayaan keusahawanan belia.

iii. H1= Terdapat hubungan signifikan antara kemahiran teknologi dan kejayaan keusahawanan belia

iv. HO= Tidak terdapat hubungan signifikan antara kemahiran teknologi dan kejayaan keusahawanan belia

v. H1= Terdapat hubungan signifikan antara perkembangan sains dan teknologi dalam mendorong kejayaan keusahawanan belia.

HO= Tidak terdapat Terdapat hubungan signifikan antara perkembangan sains dan teknologi dalam mendorong kejayaan keusahawanan belia.

## **2.10 Rumusan**

Secara keseluruhannya, bab ini telah membincangkan dengan lebih terperinci tentang faktor-faktor yang mendorong seseorang usahawan wanita menceburi bidang keusahawanan, faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan dalam pengendalian perniagaan serta masalah-masalah yang dihadapi. Maklumat-maklumat yang diperolehi ini dapat menyokong dapatan kajian kelak. Kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dalam dan luar negara juga membuktikan bahawa kajian yang sedang dijalankan ini sememangnya amat penting dan sesuai untuk dikaji di negara kita. Selanjutnya, bab tiga akan membincangkan metodologi dan kaedah yang digunakan untuk kajian ini

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Dalam sesuatu kajian penyelidikan, kaedah atau metodologi merupakan faktor yang penting bagi membolehkan keputusan yang diperoleh mempunyai kesahihan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, menurut Maarof dalam Suaibah, Azlah, Rozeyta, Hishamuddin dan Syaharizatul (2007), pendekatan cara persampelan dan penganalisan data yang digunakan perlu dikenal pasti agar ia bersesuaian dengan objektif kajian yang telah digariskan kerana kegagalan menggunakan kaedah pengumpulan data atau metodologi kajian yang sesuai dan berkesan boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat, kabur dan boleh menyebabkan beban maklumat. Bab ini akan menerangkan kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian. Ianya menyentuh mengenai teknik persampelan, instrumen dan kaedah penganalisan data kajian.


#### **3.2 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan mengukur secara kuantitatif hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Alat-alat kajian bagi pendekatan kuantitatif adalah seperti ujian

pencapaian, inventori dan soal selidik. Namun begitu bagi kajian ini menggunakan kaedah soal selidik.

Reka bentuk kajian yang telah dirancang dengan rapi dan teratur dapat membantu pengkaji mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan untuk kajian ini. Memandangkan kajian ini adalah merupakan kajian lapangan yang bertujuan untuk mengetahui faktor-faktor kejayaan usahawan belia disekitar Lembah Klang. Oleh itu, rekabentuk kajian yang dipilih ialah kajian tinjauan (*survey research*). Kaedah tinjauan ini dipilih kerana darjah kebolehpercayaannya tinggi, kos yang murah dan jangka masa yang diperlukan untuk melaksanakannya adalah singkat (Uma Sekaran, 2003).

### 3.2.2 Carta Aliran Kajian



Rajah 3.2.2: Carta Aliran Kajian Penyelidikan



Langkah-langkah pelaksanaan untuk mencapai objektif kajian adalah seperti yang digambarkan di Rajah 3.2.2 Proses kajian ini bermula dengan mengenal pasti pernyataan masalah kajian. Berdasarkan pernyataan tersebut, matlamat dan objektif kajian pula dibentuk. Kajian literatur kemudiannya dilaksanakan untuk mendapat gambaran tentang aspek yang dikaji dan untuk bertindak sebagai garis panduan dalam pemilihan kaedah untuk mencapai objektif kajian. Berdasarkan kajian literatur juga kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan topik kajian dianalisis untuk mengenal pasti apakah faktor-faktor yang perlu dilihat dan dikaji di dalam kajian ini. Seterusnya, metodologi kajian ditentukan dan soal selidik dipilih sebagai instrumen kajian. Data yang di kumpul melalui soal selidik tersebut diproses dan dianalisis melalui analisis kuantitatif. Akhir sekali, dari analisis tersebut kesimpulan dibuat untuk mencapai objektif kajian.

### **3.3 Populasi Kajian**

Menurut Fink (1995) populasi ialah satu keseluruhan yang disamplekan. Populasi kajian ini adalah merupakan golongan belia yang berumur lingkungan 15 tahun hingga 40 tahun. Daripada populasi tersebut, 200 orang golongan belia telah dipilih sebagai sampel kajian melalui kaedah persampelan rawak mudah. Walaubagaimanapun hanya 155 borang soal selidik dikembalikan kepada penyelidik.

untuk menyokong dan mengesahkan lagi dapatan yang diperolehi daripada soal selidik yang dijawab oleh responden.

#### **3.5.1.1 Soal Selidik**

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik untuk diedarkan kepada golongan belia disekitar Lembah Klang. Soal selidik ini mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur untuk dijawab oleh responden. Soal selidik merupakan satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji dalam menjalankan kajian kerana kualiti soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan secara keseluruhannya. Sekiranya soalan yang dikemukakan dalam soal selidik itu kabur, maka jawapan yang diperolehi tidak akan memberi pengertian yang nyata dan ini akan merosakkan hasil atau dapatan sesebuah kajian

### 3.6 Instrument Kajian

Instrumen kajian merupakan cara yang digunakan untuk mengumpulkan maklumat seperti soal selidik dan temu bual (Mohd Najib, 1998). Oleh yang demikian, pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dalam dua cara iaitu kaedah soal selidik sebagai kaedah utama data temu bual sebagai kaedah sokongan. Soal selidik yang telah digunakan dibahagikan kepada lima (5) bahagian seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 2.

Jadual 3.6: Pembahagian Soal Selidik

Bahagian	Soalan-Soalan	Jumlah Soalan
A	Maklumat Demografik: (Norasmah Hj Omar:2007)	7
B	Sikap Keusahawanan: (Norasmah Hj Omar: 2007)	5
C	Bantuan dan galakan yang disediakan: Faridah Karim :2007)	5
D	Kemahiran teknologi: Davis: 1989)	6
E	Perkembangan teknologi mempengaruhi kejayaan usahawan (Davis: 1989)	6
Jumlah soalan		29

### 3.6.1 Bahagian A : Maklumat Demografik

Bagi maklumat demografi, maklumat yang diperolehi meliputi umur, bangsa/kaum, jantina, tahap pendidikan, pengalaman dalam bidang Keusahawanan serta kursus-kursus keusahawanan yang pernah diikuti. Maklumat yang diperolehi akan digunakan untuk menganalisa latarbelakang seornag usahawan secara amnya.

### 3.6.2 Bahagian B: Sikap Keusahawanan

Bahagian ini mengandungi lima (5) pernyataan bagi menilai responden mempunyai ciri-ciri atau sikap untuk menjadi usahawan dan ianya mengambil kira elemen pengetahuan atau kemahiran, persekitaran dan sikap. Setiap pernyataan terdiri daripada beberapa soalan yang melibatkan pernyataan-pernyataan yang positif dan jawapan berdasarkan Skala Likert seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4. Data yang diperolehi akan digunakan untuk menjawab objektif kajian pertama seperti yang dinyatakan dalam bab satu.

Jadual 3.6.2: Jadual Pernyataan Bahagian B

Soalan	Kenyataan
1	Saya selalu tenang dan positif walaupun menghadapi dugaan
2	Saya selalu mencari idea baru daripada pelbagai sumber
3	Saya seorang yang sentiasa ingin belajar
4	Saya berkemampuan untuk mencapai apa yang dirancang
5	Saya kreatif dalam menyelesaikan masalah

Jadual 3.6.3: Jadual Skala Likert

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Agak setuju	Setuju	Sangat Setuju
STS	TS	AS	A	SS

Sumber: Likert L.R. (1976)

### 3.6.3 Bahagian C: Bantuan dan Galakan pihak kerajaan

Didalam bahagian ini, responden perlu menyatakan bantuan dan galakan yang pernah diperolehi untuk bergelar seorang usahawan. Persoalan ini akan menjawab objektif kedua di bab satu (1)

Jadual 3.6.4: Jadual Pernyataan Bahagian C

<b>Persoalan</b>
1. Adakah bantuan kewangan yang disediakan kerajaan mendorong faktor kejayaan usahawan belia?
2. Adakah bantuan latihan yang disediakan kerajaan meningkatkan kejayaan usahawan?
3. Adakah bantuan perkhidmatan nasihat yang disediakan kerajaan meningkatkankejayaan usahawan?
4. Adakah bantuan pemasaran yang disediakan kerajaan meningkatkan kejayaan usahawan?
5. Adakah faktor bantuan sokongan infrastruktur yang disediakan kerajaanmeningkatkan kejayaan usahawan?

### 3.6.4 Bahagian D: Kemahiran Teknologi

Bagi kemahiran teknologi persoalan seperti penggunaan media baru, internet dan kecekapan penggunaan aplikasi sistem maklumat akan diajukan kepada responden. Persoalan ini akan mengukur sejauhmanakah para usahawan belia cekap dan mahir menggunakan teknologi dalam perniagaan

Jadual 3.6.5: Jadual Pernyataan Bahagian D

---

#### **Kemahiran Teknologi**

---

##### **A) Kecekapan menggunakan internet**

- 1) Adakah anda menggunakan internet untuk tujuan pemasaran?
- 2) Adakah anda menggunakan internet untuk membuat jaringan usahawan?
- 3) Adakah anda menggunakan internet untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan?

---

##### **B) Penggunaan media social**

- 1) Adakah anda menggunakan jaringan “facebook/twitter” untuk membuat jaringan usahawan?
- 2) Adakah anda menggunakan “facebook/twitter” untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan

---

##### **C) Pendedahan teknologi dalam keusahawanan**

- 1) Adakah anda pernah didedahkan dengan salah satu dari teknologi yang disenaraikan di bawah dalam bidang keusahawanan?
    - a) Nanoteknologi
    - b) Teknologi Hijau
    - c) Bioteknologi
-

### 3.6.5 Bahagian E: Perkembangan Sains dan Teknologi

Didalam bahagian ini pula pengkaji ingin mengukur pengetahuan responden dalam perkembangan teknologi terkini. Disamping itu juga pengkaji ingin mengukur sejauhmanakah perkembangan teknologi membantu kejayaan usahawan. Disamping itu juga persoalan ini diajukan kepada responden adalah bertujuan untuk mengukur sejauhmakah reponden mengikuti perkembanag sains dan teknologi terutama dalam komunikasi. Antara persoalan yang diajukan didalam soal selidik adalah seperti berikut:-

Jadual 3.6.6: Jadual Pernyataan Bahagian E

<b>Persoalan</b>
1. Adakah dengan penggunaan telefon bimbit 4s yang dilengkapi dengan pelbagai aplikasi banyak membantu anda dalam urusan perniagaan?
2. Penggunaan "Ipad/tablet PC" banyak membantu anda dalam urusan keusahawanan?
3. Penggunaan Notepad banyak membantu anda dalam urusan keusahawan
4. Penggunaan Teknologi Hijau dalam bidang Keusahawan
5. Penggunaan Nanoteknologi dalam bidang keusahawanan
6. Penggunaan Bioteknologi dalam bidang keusahawanan

### 3.7 Kaedah Analisa Data

Peringkat di mana penyelidikan melaksanakan beberapa prosedur saling berkaitan untuk menukar data kepada format yang akan menjawab soalan pengurusan. Melengkapkan soal selidik daripada responden adalah proses yang menggunakan *Statistikal Package Social Science (SPSS)*.

Analisis deskriptif kuantitatif merupakan kaedah analisis bagi melihat perhubungan antara pembolehubah kajian. Analisis deskriptif dilakukan untuk melihat taburan kekerapan peratusan, min dan sisihan piawai data. Ianya melibatkan penghuraian secara menyeluruh berkaitan dengan pembolehubah-pembolehubah yang dikaji iaitu sikap bantuan dan galakan kerajaan, kemahiran teknologi dan perkembangan sains dan teknologi. Jadual 3.7 menunjukkan kaedah penganalisan data yang digunakan bagi setiap persoalan kajian

### 3.8 Rumusan

Kajian ini menggunakan kaedah primer untuk mengumpul dan menganalisis data bagi menepati objektif dan matlamat kajian. Data yang diperolehi daripada data primer telah dibuat penganalisan secara kuantitatif. Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah persampelan secara rawak mudah. Di dalam bab seterusnya akan membincangkan dapatan kajian melalui penganalisan data.



## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Bab ini akan mengemukakan keputusan dan penemuan yang diperolehi dan hasil kajian yang telah dijalankan melalui edaran 200 borang soal selidik dan 155 borang soal selidik yang telah dikembalikan oleh responden kepada penyelidik. Penganalisan data dan pembentangan hasil kajian adalah berdasarkan beberapa objektif yang telah dibentuk seperti di Bab 1.

Penganalisan data telah dijalankan dengan menggunakan *perisian Statistical Package for Social Science (SPSS)* version 18.0. Data-data yang diperolehi telah dianalisis melalui kaedah analisis deskriptif.

#### **4.2 Bahagian A: Maklumat Demografik**

Bahagian ini akan menerangkan secara terperinci tentang demografik responden yang terlibat dalam kajian ini. Untuk mendapatkan maklumat responden secara terperinci. Bahagian A dalam soal selidik (*Rujuk Lampiran A*) kajian ini menghusus kepada maklumat komposisi responden iaitu kesahawanan belia disekitar Lembah Klang. Sejumlah 155 responden telah terlibat dalam kajian penyelidikan ini.

#### 4.2.1 Maklumat Demografik: Jantina

Sejumlah 155 orang responden telah terlibat dalam penyelidikan ini. Rajah dibawah menunjukkan pembahagian jantina responden. Daripada jumlah ini responden lelaki adalah seramai 116 orang dan mewakili 74.8% manakala selebihnya 39 orang adalah responden perempuan yang beratusan sebanyak 25.2%.

#### Jantina

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Lelaki	116	73.9	74.8	74.8
	Perempuan	39	24.8	25.2	100.0
	Total	155	98.7	100.0	
Total		155	100.0		

Jadual 4.2.1: Jadual kekerapan Profile Jantina Keusahawanan Belia

#### 4.2.2 Maklumat Demografik: Umur

Sementara rajah 4.2.2 memaparkan perincian umur bagi keusahawanan belia disekitar Lembah Klang yang terlibat didalam penyelidikan ini. Golongan umur antara 26-40 tahun adalah yang paling tinggi iaitu seramai 49 orang atau 31.6%, diikuti kategori belia berumur 31-35 tahun iaitu 30.3% atau 47 orang, ketegori umur 36-40 tahun sebanyak 35 orang atau 22.6%, Responden ketgori umur 15-20 tahun 8 orang atau 5.2%.

#### Umur

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid 15-20 Tahun	8	5.1	5.2	5.2
21-25 Tahun	16	10.2	10.3	15.5
26-30 Tahun	49	31.2	31.6	47.1
31-35 Tahun	47	29.9	30.3	77.4
36-40 Tahun	35	22.3	22.6	100.0
Total	155	98.7	100.0	
Total	155	100.0		

Jadual 4.2.2 : Profile Demografik Umur Keusahawanan Belia

### 4.2.3 Maklumat Demografik: Bangsa

Majoriti responden kajian ini adalah terdiri dari bangsa melayu. Bangsa melayu mewakili sebanyak (57.3%) iaitu terdiri daripada 90 orang, manakala responden bangsa india (17.8%), dan Bangsa cina pula adalah (12.2%) dan selebihnya lain-lain bangsa.

**Bangsa**

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Melayu	90	57.3	58.1	58.1
	Cina	27	17.2	17.4	75.5
	India	28	17.8	18.1	93.5
	Lain-lain	10	6.4	6.5	100.0
	Total	155	98.7	100.0	
Total		155	100.0		

Jadual 4.2.3: Maklumat Demografik Bangsa Keusahawanan Belia

#### 4.2.4 Pendidikan

Berdasarkan Rajah 4.2.4, didapati bahawa majoriti daripada responden mereka yang mendapatkan pendidikan di peringkat Diploma/STPM (38.2%), sekolah menengah iaitu berkelulusan SPM/SRP/PMR (24.8%). Manakala yang memiliki Sijil MLVK (14.6%0, Ijazah/Sarjana (19.1%) dan selebihnya Doktor Falsafah iaitu (1.9%)

		<b>Pendidikan</b>			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	SRP/PMR/SPM	39	24.8	25.2	25.2
	Diploma/STPM	60	38.2	38.7	63.9
	Sijil MLVK	23	14.6	14.8	78.7
